

UPM tubuh jawatankuasa isu pelajar baru dibuli

Kuala Lumpur: Universiti Putra Malaysia (UPM) menubuhkan satu Jawatankuasa Siasatan Dalam berkenaan isu pelajar baru dibuli oleh 12 orang pelajar senior yang berlaku 27 Mei lalu.

UPM dalam kenyataannya berkata, pihaknya memandang serius terhadap apa yang berlaku

kepada pelajar Program Asasi Pertanian itu dan sudah pun memanggil kesemua pelajar senior berkenaan untuk siasatan.

“Mereka yang terlibat dalam insiden itu telah diberi nasihat dan peringatan tegas, serta ber-setuju menyelesaikan perkara ini secara baik

sesama mereka,” katanya.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan Pejabat Pemasaran dan Komunikasi itu, UPM akan terus komited dalam memastikan perkara ini tidak berlaku lagi dan menyediakan persekitaran yang harmoni untuk pelajarannya.

Pihak UPM turut mem-

beri amaran, jika kejadian seperti itu berlaku lagi, UPM akan mengenakan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2005 yang boleh dikenakan hukuman amaran sehingga dibuang universiti.